



PERATURAN

BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Disediakan oleh : Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK)

Telefon: +606-270 1098 Faks: +606-270 1037 Emel: pppk@utem.edu.my

Helpdesk: +606-270 1101 (Portal, Sistem, emel, myUTeM) | +606-270 1102 (PC, UC - Telefon, Internet, Software)

**PERATURAN *BRING YOUR OWN DEVICE* DI UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**

**SUSUNAN
PERATURAN**

Peraturan

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Risiko Keselamatan
5. Tanggungjawab Pengguna
6. Pemantauan Penggunaan Peralatan Mudah Alih Peribadi
7. Perlindungan Data Peralatan Mudah Alih Peribadi
8. Pendaftaran Peralatan Mudah Alih Peribadi
9. Lain-Lain

PERATURAN *BRING YOUR OWN DEVICE* DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Peraturan ini menerangkan risiko keselamatan, tanggungjawab serta tatacara yang digunakan untuk melindungi maklumat UTeM daripada kebocoran sewaktu pengguna menggunakan peralatan mudah alih peribadi secara berdaftar menerusi kemudahan rangkaian yang disediakan di UTeM.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman; dan
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif.

"peralatan mudah alih peribadi" ertinya sesuatu alat komunikasi yang berdaftar adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada telefon pintar, tablet dan komputer riba;

"Peraturan" ertinya Peraturan *Bring Your Own Device* Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

"PPPK" ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi;

"PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Institut/Pusat atau apa-apa jua nama ia disebut; dan

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

3.0 SKOP

Peralatan mudah alih peribadi merupakan peranti komunikasi yang dibenarkan untuk menggunakan kemudahan rangkaian yang disediakan oleh pihak UTeM.

4.0 RISIKO KESELAMATAN

Risiko keselamatan yang melibatkan peralatan mudah alih peribadi boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu risiko pada alat dan risiko pada aplikasi:-

- a) Risiko pada alat adalah berpunca daripada peralatan mudah alih peribadi yang mempunyai kemudahan simpanan data pada peranti utama dan peranti sekunder, kemudahan menghantar maklumat keluar dari UTeM dan kehilangan peralatan itu sendiri. Kawalan terhadap peralatan mudah alih ini adalah terhad berbanding kawalan yang dibuat ke atas komputer peribadi dan komputer riba yang dibekalkan oleh pihak UTeM.
- b) Risiko pada aplikasi pula berpunca daripada pemasangan aplikasi pihak ketiga oleh pengguna pada peralatan mudah alih. Data rasmi UTeM yang disimpan di dalam peralatan ini terdedah kepada kebocoran maklumat yang disebabkan oleh fungsi yang terbina di dalam aplikasi berkenaan.

5.0 TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

Pengguna yang menggunakan peralatan mudah alih peribadi hendaklah bertanggungjawab ke atas peralatan mudah alih peribadi mereka sendiri. Pihak PPPK akan membantu daripada segi teknikal dan tidak akan bertanggungjawab ke atas peralatan mudah alih peribadi tersebut. Pengguna hendaklah:-

- a) Menetapkan mekanisme kawalan akses bagi peranti peralatan mudah alih peribadi yang akan mengunci secara automatik apabila peranti berada dalam keadaan *idle* bagi tempoh yang lama atau tidak digunakan.

- b) Membiasakan diri dengan peralatan mudah alih mereka dengan ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada peralatan mudah alih tersebut supaya dapat memastikan keselamatan maklumat peribadi dan UTeM
- c) Memuat turun aplikasi daripada sumber yang sah.
- d) Memastikan peralatan mudah alih sentiasa dikemaskinikan dan ditingkatkan keselamatannya (rujuk Garis Panduan Keselamatan Virus”).
- e) Memastikan peralatan mudah alih yang digunakan tidak bertentangan dengan "Dasar ICT UTeM".
- f) Mencegah kecurian dan kehilangan data;
- g) Menyimpan maklumat sulit di tempat yang selamat;
- h) Mengekalkan integriti data dan maklumat;
- i) Mencegah kebocoran maklumat melalui aplikasi yang dimuat turun ke dalam peralatan;
- j) Menetapkan kata laluan pada peranti yang menepati "Dasar ICT UTeM";
- k) Tidak menyimpan maklumat yang sensitif, peribadi, sulit, rahsia atau yang mempunyai nilai komersial milik UTeM pada peralatan mudah alih milik sendiri. Sebaliknya menggunakan peralatan mudah alih yang dibekalkan oleh pihak UTeM dalam menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh UTeM bagi mengakses internet secara selamat;

- l) Pengguna yang telah tamat perkhidmatan atau pengajian bertanggungjawab memadamkan semua maklumat yang berkaitan dengan urusan rasmi UTeM;
- m) Sekiranya berlaku kehilangan peralatan mudah alih peribadi yang mengandungi data UTeM termasuk e-mel, laporan segera perlu dibuat kepada pihak Polis dan PPPK;
- n) Pengguna perlu memastikan tiada lagi maklumat UTeM yang tidak digunakan lagi disimpan di dalam peralatan mudah alih peribadi; dan
- o) Sekiranya peranti peralatan mudah alih peribadi ingin dilupus, dijual atau dipindahkan kepada pihak ketiga, Pengguna perlu memadamkan semua maklumat UTeM yang terdapat di dalamnya.

6.0 PEMANTAUAN PENGGUNAAN PERALATAN MUDAH ALIH PERIBADI

Pihak PPPK akan memantau secara rawak kepada capaian dan penggunaan peralatan mudah alih peribadi. Bagi tujuan tersebut, pihak UTeM mempunyai kuasa:-

- a) Menyekat peralatan mudah alih peribadi pengguna daripada menggunakan perkhidmatan rangkaian UTeM sekiranya didapati peralatan tersebut boleh memberikan ancaman.
- b) Menyekat akses kepada sistem yang disediakan oleh UTeM.
- c) Mengambil semua langkah yang sesuai dan perlu untuk mendapatkan semula maklumat yang dimiliki oleh UTeM.

- d) Mengambil tindakan tatatertib sekiranya pengguna didapati menyalahgunakan peralatan mudah alih peribadi yang menyebabkan kehilangan, kerosakan dan kebocoran maklumat rasmi UTeM dan kerajaan.

7.0 PERLINDUNGAN DATA PERALATAN MUDAH ALIH PERIBADI

- 7.1 Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan, keselamatan dan perlindungan data di UTeM, data dan data peribadi yang berkaitan yang terdapat di UTeM perlu sejajar dengan Akta Perlindungan Data 1998 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data peribadi sensitif adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan bangsa/etnik, pendapat politik, kepercayaan agama, keanggotaan kesatuan sekerja, kesihatan (mental atau fizikal) atau butiran kesalahan jenayah. Kategori maklumat ini perlu dikendalikan pada tahap perlindungan yang lebih tinggi pada setiap masa. Pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta Perlindungan Data 1998 atau Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 boleh menyebabkan pihak UTeM dikenakan tindakan.
- 7.2 Pengguna yang didapati melanggar mana-mana peruntukan Akta Perlindungan Data 1998 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan jika disabitkan kesalahannya, maka semua kemudahan UTeM yang diberikan sebelum ini akan ditarik semula. Pihak UTeM tidak akan bertanggungjawab ke atas pengguna yang melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa sewaktu menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak UTeM.
- 7.3 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-

- a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
- b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya; atau
- c) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

7.4 Pihak UTeM tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan dan kerosakan data pada peranti peralatan mudah alih peribadi yang digunakan sama ada untuk tujuan urusan rasmi UTeM atau tujuan peribadi.

8.0 PENDAFTARAN PERALATAN MUDAH ALIH PERIBADI

Pengguna yang ingin menggunakan kemudahan rangkaian milik UTeM hendaklah mendaftar peralatan mudah alih peribadi bagi tujuan kebenaran mengakses rangkaian di UTeM.

9.0 LAIN-LAIN

- 9.1 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
- 9.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.